

5.1

Penyediaan Tapak Pembinaan Landskap Kejur

Sebelum memulakan kerja-kerja pembinaan landskap kejur, penyediaan tapak penting bagi menentukan keadaan dan kedudukan sesuatu binaan. Penyediaan tapak dapat disimpulkan sebagai semua aktiviti yang perlu dilakukan sebelum kerja sebenar dapat dijalankan. Aktiviti ini berbeza mengikut keperluan projek dan keadaan sesuatu tapak. Kerja-kerja binaan yang melibatkan permukaan tanah, penyediaan tapak menjadi sangat penting. Ini disebabkan banyak keperluan binaan yang perlu dipenuhi.

5.1.1 Menerangkan Keperluan Kerja Awalan Tapak Pembinaan Landskap Kejur

Sebelum pelaksanaan aktiviti pelandskap, kerja-kerja awalan perlu dilakukan untuk melancarkan aktiviti pelandskap di tapak bina.

Kerja-kerja awalan pembinaan landskap kejur di tapak pembinaan adalah seperti berikut:

Persempadanan

Pembersihan
tapak

Mengukur dan
menanda

Rajah 5.1: Kerja awalan tapak pembinaan landskap kejur.

a. Persempadanan

Kerja ini dimulakan dengan mencari batu-batu sempadan yang ditanam berpandukan pelan tanah atau tapak yang telah disahkan. Antara masalah yang mungkin timbul semasa mencari batu-batu sempadan ialah batu sempadan hilang. Hal ini mungkin berlaku kerana batu sempadan tertimbus di dalam tanah akibat pergerakan tanah atau ditutupi oleh akar atau pokok-pokok yang besar dan juga kemungkinan telah dialih atau dibuang oleh manusia.



Kod QR

Layari laman web di bawah untuk
melihat proses pembinaan
landskap dijalankan.

[https://eravisi.com/
LAN_tg5/ms218](https://eravisi.com/LAN_tg5/ms218)

